

Kementerian bincang wajib suntikan vaksin

BHARIAN 26/2/19

M.S. 8

➔ Kesedaran ibu bapa penting elak anak terdedah penyakit

mengalakkan ibu bapa supaya membenarkan anak mereka diberi suntikan vaksin imunisasi sebagai langkah awal pencegahan penyakit.

“Yang penting bukan undang-undang saja, tetapi tetapi kesedaran dan keinsafan ibu bapa untuk tahu yang kesihatan dan keselamatan anak mereka terdedah kepada risiko penyakit jika tidak diberi suntikan vaksin.

“Kalau mereka yang mengambil mudah, kena sedar anak mereka akan mudah menjadi punca kepada penyakit.

“Saya tahu bukan senang hendak buat program untuk menjadikan suntikan vaksin ini mandatori dan wajib sebab ada ibu bapa yang guna pelbagai hujah serta alasan bagi menolak,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Codex Mengenai Minyak dan Lemak (CCFO) ke-26 di sini, semalam.

Kelmarin, Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) mendesak kerajaan mewajibkan suntikan vaksin bagi mengurangkan penyebaran penyakit yang dapat dielakkan menerusi vaksin di negara ini.

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman wananwar@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, mengaku sukar untuk mewujudkan satu dasar supaya suntikan vaksin imunisasi diwajibkan kepada rakyat. Namun, katanya, kementerian sedang giat berbincang pada peringkat dalam dan luaran bagi mewujudkan dasar yang dapat memastikan setiap kanak-kanak mendapat suntikan imunisasi vaksin pada masa depan. Jelas beliau, kementerian juga tidak berputus asa berusaha memberi kesedaran dan



Saya tahu bukan senang hendak buat program menjadikan suntikan vaksin ini mandatori”

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

izinkan amalan doula, ia mesti dilakukan dengan penuh tanggungjawab, ada prosedur operasi standard (SOP) dan syarat khas.

“Apa yang kita mahu pada akhirnya ialah ia tidak menimbulkan kemudaratan kerana menyentuh kesihatan dan nyawa manusia,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan dinaik taraf menjadi Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan bagi memperkukuh kawalan keselamatan makanan negara.

“Proses menaik taraf ini jangka diluluskan pada sidang Dewan Rakyat pada bulan depan,” katanya.

Dibincang minggu ini

Dr Dzulkefly berkata hasil perbincangan yang diperoleh kementerian akan dibincangkan pada peringkat pasca Kabinet kementerian minggu ini dan jika ia mendapat sokongan, akan dibawa ke peringkat Kabinet, tetapi belum diputuskan bila,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata kementerian masih belum mengiktiraf peranan doula dan meminta kelompok yang menjadi doula tampil ke kementerian memberi maklum balas mengenai amalan itu.

“Kita perlu adakan perbincangan dengan mereka secara langsung sebab akhirnya jika kita benar-benar mahu meng-

Ketika ini, lima kes kanak-kanak disyaki positif jangkitan difteria dikesan di Johor Bahru dan pada Selasa lalu, seorang kanak-kanak yang tidak menerima suntikan vaksin meninggal dunia akibat jangkitan difteria.